

D650

R 8099 AAB
NEGARA - INDUSTRI

KUALA LUMPUR, 12 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SEAS DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA EKONOMI MALAYSIA ADALAH BERBEZA DARIPADA EKONOMI NEGARA-NEGARA **SEPERTI SINGAPURA, HONG KONG, TAIWAN DAN KOREA SELATAN** KERANA SEKTOR PERTANIAN **DI** NEGARA INI MASIH MENARIK MINAT PENGUSAHA DAN PELABUR TEMPATAN.

+INILAH BIDANG YANG MEREKA FAHAM DAN PELUANG YANG LUMAYAN DARIPADA BIDANG **INI** MASIH MUDAH, **+ KATANYA** SEMASA MENJAWAB SOALAN DARIPADA SENATOR DR NC KHEK KIUNG **DI** PERSIDANGAN DEWAN NEGARA, HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA **SELAIN** DARIPADA **PERTANIAN**, BIDANG YANG DIMINATI OLEH **PARA** PENGUSAHA MALAYSIA IALAH KEWANGAN **SEPERTI** BANK DAN SYARIKAT KEWANGAN, **PEMBINAAN** DAN **INDUSTRI** PERKHIDMATAN YANG DIJALANKAN SECARA KECIL-KECILAN.

SEBALIKNYA, **KEEMPAT-EMPAT** NEGARA **BERKENAAN** TIDAK MEMPUNYAI TANAH YANG MENCUKUPI DAN SUBUR SERTA KEKURANGAN **SUMBER ASLI**, DAN TERPAKSALAH MEREKA MEMASUKI BIDANG PERINDUSTRIAN SERTA BERGANTUNG KEPADA SUMBER MANUSIA YANG MEREKA ADA.

BELIAU BERKATA JIKA **DILIHAT** KEPADA PERTUMBUHAN INDUSTRI **DI** NEGARA-NEGARA **BERKENAAN**, BIDANG **BERKENAAN** DIUSAHAKAN SENDIRI OLEH PENDUDUK TEMPATAN. -- **LAGI**

1612MST 12 07 89

D656

R B100 A A B

NEGARA - INDUSTRI 2 KUALA LUMPUR

+OLEH KERANA PENGUSAHA-PENGUSAHA MALAYSIA KURANG BERMINAT UNTUK MELABUR DALAM BIDANG **INDUSTRI**, **KITA** TERPAKSA BERGANTUNG KEPADA PELABUR **ASING**, **+ TAMBAH** BELIAU.

+UNTUK MENARIK PELABURAN **ASING** **INI**, GALAKAN PERLU **DIBERI**, **+ KATA** DATUK SERI DR MAHATHIR.

BELIAU BERKATA UNTUK BEBERAPA **LAMA** KERAJAAN TERPAKSA MEMASUKI BEBERAPA BIDANG PERINDUSTRIAN YANG MEMERLUKAN MODAL YANG BESAR KERANA USAHAWAN TEMPATAN TIDAK BERKEMAMPUAN.

SEKARANG, JELAS **BELIAU**, PIHAK SWASTA MALAYSIA SUDAH LEBIH BERANI DAN MEREKA TELAH MENUNJUKKAN LEBIH MINAT UNTUK MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN.

KATA BELIAU, DENGAN ADANYA USAHA-USAHA OLEH PIHAK SWASTA SERTA GALAKAN YANG DIBERIKAN KEPADA PELABUR **ASING**, PERTUMBUHAN EKONOMI BERASASKAN INDUSTRI AKAN MENCAPAI TAHAP YANG LEBIH PESAT. -- **LAGI**

1624MST 12 07 89

D657

R B101 AAB

NEGARA - INDUSTRI 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA SUMBANGAN SEKTOR PERINDUSTRIAN KEPADA KELUARAN DALAM NEGARA KASAR (**KDNK**) TELAH PUN MENINGKAT SEBANYAK 24.4 PERATUS **PADA** TAHUN LEPAS DAN DIJANGKA MENINGKAT SEBANYAK 26.2 PERATUS **PADA** TAHUN 1990.

MENURUTNYA, SUMBANGAN SEKTOR PERINDUSTRIAN TELAH MELEBIHI DARIPADA SUMBANGAN SEKTOR PERTANIAN SEBAGI SEKTOR YANG UTAMA DALAM **EKONOMI** NEGARA.

DI SAMPING **ITU**, EKSPORT SEKTOR **ITU** DIJANGKA MENINGKAT DARIPADA 48.6 PERATUS **PADA** TAHUN 1988 KEPADA 59.9 PERATUS DALAM TEMPOH 1990, **KATA** BELIAU.

GUNATENAGA **DI** SEKTOR INDUSTRI PULA DIJANGKA MENINGKAT **PADA** KADAR 6.4 PERATUS SETAHUN **BAGI** TEMPOH 1986 HINGGA 1990 DAN SUMBANGANNYA KEPADA JUMLAH GUNATENAGA DIJANGKA MENINGKAT SEBANYAK 17.7 PERATUS **PADA** TAHUN **DEPAN**, **KATA** PERDANA MENTERI. -- **BERNAMA**

1626MST 12 07 89